



## **Dakwah Kepada Saudara Baru di Kelantan** *(Preaching About Islam to the Reverts in Kelantan)*

Wan Zuhaira Nasrin Wan Zainudin, Nur A'thiroh Masyaa'il Abdullah @ Tan Ai Poa

Pusat Kesejahteraan Insan dan Komuniti  
Fakulti Pengajian Islam  
Universiti Kebangsaan Malaysia.  
43600, UKM Bangi Campus, Selangor Darul Ehsan, Malaysia.  
Email: ya\_iman@yahoo.com; athiroh@ukm.edu.my

---

**Abstrak** - Saudara baru adalah insan pilihan Allah s.w.t yang dijinakkan hati menerima Islam. Walau bagaimanapun, mereka memerlukan bimbingan dan tunjuk ajar yang berterusan khususnya berkaitan dengan ajaran Islam supaya mereka dapat memahami konsep ajaran agama Islam secara menyeluruh tetapi berperingkat. Permasalahan akan timbul apabila wujudnya kelemahan pendekatan dakwah yang digunakan oleh pendakwah dan organisasi dakwah dalam usaha-usaha untuk memberi kefahaman tentang ajaran Islam kepada saudara baru. Hal ini menyebabkan mereka kurang berminat dan komited dengan ajaran Islam dan tidak dapat memahami isi dakwah yang disampaikan kepada mereka disebabkan kelemahan dari sudut kaedah dan bentuk penyampaian dakwah yang kurang efektif, tidak efisien dan kurang daya tarikan. Justeru itu, artikel ini membincangkan tentang konsep dakwah kepada saudara baru di Kelantan.

**Kata Kunci:** Dakwah, saudara baru

**Abstract** – A revert (to Islam) means a person who was not a Muslim has embraced Islam. Nevertheless, they still need the continuous guidance and assistance especially with things related to Islamic teachings. This to ensure that they could gradually comprehend the whole concept of Islamic teachings. Problems will occur when there are vulnerability, ineffectiveness and inefficiency in terms of “da’wah” (the preaching of Islam) approach used by the Muslim preachers or any “da’wah” organization in the efforts of instilling the understanding of Islamic teachings to the reverts. This had caused the lack of interest and commitment of the reverts. Therefore, this article will be discussing on the concept of da’wah to the new reverts in Kelantan.

**Keywords:** Preaching, revert

---

### **I. Pendahuluan.**

Kelantan adalah salah satu negeri yang mempunyai pelbagai etnik iaitu Melayu, Cina, India, Siam dan lain-lain etnik yang mana komposisi agamanya terdiri daripada Islam 95.2%, Kristian 0.3%, Buddha 3.8%, Hindu 0.2% dan lain-lain agama adalah 0.5% (Bancian Jabatan Perangkaan Malaysia 2010). Menerusi keunikan ini juga wujudnya pertembungan antara adat, budaya dan agama Kepelbagaian etnik dan agama wujud dalam daerah-daerah di Kelantan seperti Kota Bharu, Tumpat, Pasir Mas, Bachok, Tanah Merah, Kuala Krai, Machang, Rantau Panjang, Kubang Kerian, Gua Musang dan Pasir Puteh.

Tuntutan berdakwah kepada orang Islam dan bukan Islam adalah satu kewajipan di atas bahu manusia yang bergelar muslim. Dakwah kepada saudara baru di Negeri Kelantan telah dilakukan oleh pelbagai organisasi dakwah di negeri ini. Di antara organisasi yang terlibat secara langsung dalam aktiviti dakwah kepada saudara baru di negeri ini ialah Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK), Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA Kelantan), Pertubuhan Kebajikan Islam Malaysia (PERKIM Kelantan) dan Institut Dakwah Islamiah Perkim (IDIP Kelantan). Terdapat pelbagai pendekatan dakwah yang dilakukan oleh organisasi tersebut meliputi aspek pendidikan, sosial dan ekonomi pada setiap tahun. Pendekatan dakwah yang dianjurkan tersebut amat penting demi melihat saudara baru atau muallaf berpegang teguh kepada agama Islam.

## II. Hukum Berdakwah

Umunya, hukum berdakwah terbahagi kepada dua iaitu fardhu ain dan fardu kifayah. Menurut Aminuddin (1992) pendapat pertama kewajipan dakwah adalah fardhu ain ke atas setiap orang Islam yang dewasa tanpa mengambil kira aspek kaya, miskin, cerdik atau sebaliknya. Manakala, pendapat kedua kewajipan berdakwah adalah fardhu kifayah apabila telah ada sekelompok manusia yang telah menjalankan dan menyampaikan dakwah sebagai mewakili kaum Muslimin dan disebabkan itu gugurlah kewajipan dakwah ke atas seluruh kaum Muslim. Firman Allah SWT dalam (Surah Ali – Imran 03: 104) yang bermaksud: *“Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). Dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang Berjaya”*. Dalam surah ini, jelaslah menunjukkan bahawa dakwah Islamiyyah dituntut oleh agama. Tuntutan ini ditujukan kepada muslimin seluruhnya dan dilaksanakan berperingkat-peringkat. Firman Allah SWT dalam (Surah al-Maidah, 05: 78-79) yang bermaksud: *“Orang-orang kafir Yahudi dari Bani Israil telah dilaknat (di dalam Kitab-kitab Zabur dan Injil) melalui lidah Nabi Daud dan Nabi Isa ibni Maryam. Yang demikian itu disebabkan mereka menderhaka dan selalu menceroboh. Mereka sentiasa tidak berlarang-larangan (sesama sendiri) dari perbuatan mungkar (derhaka dan ceroboh), yang mereka lakukan. Demi sesungguhnya amatlah buruknya apa yang mereka telah lakukan”*

Berdasarkan surah al-Maidah ayat 78 hingga 79, Allah SWT menegaskan kepada manusia berkaitan perintah untuk melaksanakan dakwah Islam. Daripada ayat tersebut, pengajaran yang dapat kita ambil ialah menunjukkan Allah SWT mengancam dengan keras Bani Israil yang meninggalkan dan tidak menghiraukan kepentingan terhadap aktiviti-aktiviti dakwah (Moh Ali 2015: 146–147).

Tugas dakwah adalah mulia dan suci selain menyambung risalah para nabi dan rasul yang wajar dan harus diteruskan dan dikembangkan lagi oleh setiap insan yang mengakui dirinya seorang Muslim. Dirumuskan hukum berdakwah adalah fardhu ain ke atas setiap Muslim. Tugas dakwah hendaklah dilaksanakan dan berusaha untuk menyampaikan dakwah mengikut kadar kemampuan ilmu masing-masing dan kadar tenaga dimiliki supaya tanggungjawab dakwah dapat diteruskan secara berterusan dalam kehidupan masyarakat.

## III. Definisi Saudara Baru

Saudara baru mempunyai beberapa perkataan yang sama maksud antaranya muallaf yang selalu digunakan oleh masyarakat di Malaysia. Menurut Marlon (2014) perbincangan mengenai pengertian muallaf dan panggilan lain yang biasa digunakan dalam masyarakat kita di Malaysia selain dari perkataan ini seperti ‘Saudara Baru’, ‘Saudara Muslim’. Pelbagai takrifan dan pengertian dikemukakan dalam kamus-kamus, ulamak, semasa dan sebagainya. Dalam membincangkan konsep saudara baru, scenario saudara baru masa kini, faktor-faktor pengislaman saudara baru, cabaran-cabaran yang dihadapi saudara baru, cabaran-cabaran dan tahap-tahap psikologi saudara baru dan lainnya merupakan elemen yang penting untuk mengenali saudara baru dan persekitaran mereka.

Pertanyaan muallaf atau saudara baru di dalam al-Quran disebut sekali tanpa ada pengulangan berdasarkan surah al-Taubah ayat 60 dan ayat ini juga tidak mempunyai sebab penurunannya. Firman Allah SWT yang bermaksud: Seseungguhnya sedekah-sedekah (zakat) itu hanyalah untuk orang-orang fakir, dan orang-orang miskin, dan amil-amil Yang mengurusnya, dan orang-orang muallaf Yang dijinakkan hatinya, dan untuk hamba-hamba Yang hendak memerdekakan dirinya, dan orang-orang muallaf Yang berhutang, dan untuk (dibelanjakan pada) jalan Allah, dan orang-orang musafir (yang keputusan) Dalam perjalanan. (Ketetapan hukum Yang demikian itu ialah) sebagai satu ketetapan (yang datangnya) dari Allah dan (ingatlah) Allah Maha Mengetahui, lagi Maha Bijaksana (al-Tawbah 9: 60).

Dalam konteks masyarakat majmuk di Malaysia, saudara baru Cina, saudara baru India atau lain-lain masyarakat dirujuk dan diistilahkan sebagai muallaf oleh masyarakat Islam amnya dan masyarakat Melayu khususnya Anuar (1999). Saudara baru merupakan mereka yang telah melafazkan kalimah syahadah dan golongan Muslim yang wajar diberi bimbingan dan perhatian oleh golongan yang lebih berkelayakan Anuar (2005). Saudara baru juga boleh didefinisikan sebagai orang-orang yang dipujuk dan dijinakkan iaitu mereka yang dipujuk dan dijinakkan hatinya dengan harapan dapat menguatkan pegangan mereka terhadap Islam atau orang-orang yang dipujuk supaya tertarik untuk memeluk Islam Amran Kasimin (1985). Haji Dusuki bin Haji

Ahmad (1980) berpandangan muallaf ialah orang yang baru memeluk agama Islam dan imanya belum teguh dan mereka berhak menerima sebahagian tertentu daripada harta zakat. Ahmad Redzuwan dan Nur Kareelawati (2005), mentakrifkan saudara baru sebagai kalangan manusia yang baru memeluk agama Islam dan berhak mendapat zakat dan pemberian tersebut bertujuan untuk melunakkan hati dan menguatkan keislaman mereka.

Saudara baru diertikan juga sebagai golongan manusia yang kufur dan memeluk Islam dengan melafazkan dua kalimah syahadah. Pemberian zakat kepada asnaf muallaf adalah wajib bertujuan untuk memotivasikan serta menguatkan pegangan akidah Islamiah yang baru dianuti Nur A'thiroh Masyaa'il Tan (2005). Selain itu, dengan tumpuan perhatian, bimbingan dan didikan agama, kasih sayang dan keikhlasan dalam mendekati saudara baru akan membawa mereka menuju kemantapan jiwa beragama. Seterusnya akan memberi kesan kepada kemampuan mereka dalam menjalankan kewajipan dan tanggungjawab sebagai Muslim dalam kehidupannya. Merujuk Kamus Istilah Fiqh (1997), muallaf atau saudara baru ialah mereka yang dipujuk hatinya atau yang baru memeluk Islam dan iman mereka masih lemah. Mereka tergolong dalam lapan asnaf yang berhak menerima zakat.

Dalam Mazhab al-Shafi'i terdapat empat jenis saudara baru, iaitu orang yang baru memeluk Islam dan imannya masih lemah. Keduanya, orang Islam berpengaruh yang diharapkan dapat menarik kaumnya memeluk Islam. Ketiganya, orang Islam yang berpengaruh terhadap orang kafir. Dengan pengaruh tersebut, kaum Muslimin dapat terhindar dari kejahatan orang kafir. Saudara baru juga seseorang yang menolak kejahatan orang anti zakat (Muhammad Abd al-Mujid, Mabruri Tolhah & Shafiah Am 1997).

Menurut Muhammad Rashid Rida dalam Razaleigh & Nurulhannan (2013), ulamak semasa Mesir, muallaf adalah sekelompok orang yang hatinya hendak ditaklukkan agar mempunyai kecenderungan atau ketetapan terhadap Islam, atau agar munculnya bahaya daripada orang tersebut terhadap kaum Muslimin dapat dicegah atau daripada orang tersebut diharapkan manfaat dalam mempertahankan dan menolong kaum Muslim daripada musuh yang tiada kaitan dengan hubungan perniagaan atau industri. Kelompok saudara baru terdiri daripada orang Islam dan orang Non-Muslim. Terdapat enam kelompok yang termasuk dalam kategori muallaf. Menurut Muhammad Rashid Rida empat daripada golongan Muslim dan dua daripada golongan Non-Muslim.

Empat golongan Muslim termasuk dalam golongan muallaf ialah kelompok umat dan pemimpin Islam yang mempunyai lawan (nuzara') Non-Muslim. Pemberian zakat terhadap golongan ini diharapkan akan membuatkan mereka memeluk Islam, pemimpin Islam yang ditaati, namun masih lemah imannya. Dengan pemberian zakat terhadap kelompok ini diharapkan akan meneguhkan dan menguatkan imannya dan mendorongnya untuk berbuat jihad dan kebaikan lainnya, dan orang Islam yang menjaga benteng dan perbatasan negeri Islam dengan musuh. Zakat diberikan untuk memotivasikan mereka dalam melindungi kaum Muslim daripada serangan musuh dan orang Islam yang diharapkan untuk menarik retribusi zakat daripada orang yang tidak mahu membayarnya kecuali hanya melalui kekuasaan dan pengaruh orang tersebut. Kekayaan orang ini diharapkan agar tidak terjadi hukuman pembunuhan terhadap orang yang tidak mahu membayar zakat dan dengannya terciptalah kemaslahatan dan dapat ditemukan *akhaf aldararayn*. Manakala, dua golongan Non-Muslim termasuk dalam kategori golongan muallaf bukan Islam ialah Non-Muslim yang diharapkan masuk Islam dan Non-Muslim yang dikhuatirkan akan mengganggu Islam. Pemberian zakat kepadanya diharapkan dapat menghindari bahaya daripadanya atau para pengikutnya.

Saudara baru dari perspektif semasa pula adalah mereka yang dijinakkan hati mereka untuk menerima Islam dan telah melafazkan dua kalimah syahadah. Pemberian zakat adalah bertujuan untuk memotivasikan dan memantapkan lagi keislamannya serta beramal dengan ajaran Islam. Selain itu, perhatian, kasih sayang dan bimbingan dari masyarakat dapat membentuk saudara baru sebagai modal insan yang berkualiti dalam dakwah Islamiah Nur A'thiroh Masyaa'il Tan (2005).

Oleh itu, dapat dirumuskan bahawa muallaf, saudara baru atau saudara kita ialah mereka menerima Islam sebagai pegangan akidah mereka. Islam meraikan kehadiran mereka dengan memberi penghargaan dari segi perolehan zakat yang menjadi hak mereka sebagaimana dalam kategori asnaf yang layak untuk menerimanya.

#### IV. Faktor Pengislaman Saudara Baru

Telah dikenal pasti beberapa faktor yang mendorong saudara baru di Malaysia memeluk Islam. Antaranya adalah disebabkan hidayah daripada Allah SWT, faktor ikut-ikutan, faktor perkahwinan, faktor keinginan dan kepentingan tertentu.

##### 4.1 Hidayah Dari Allah

Faktor utama yang mendorong golongan muallaf memilih Islam adalah disebabkan hidayah daripada Allah SWT dan mendorong mereka memilih Islam sebagai pegangan hidup Roslieza (2017). Pandangan tersebut disokong oleh Razaleigh & Norazwani (2013), faktor utama yang mendorong saudara baru ataupun muallaf memeluk agama Islam adalah kerana adanya hidayah dan petunjuk dari Allah SWT. Tanpa hidayah darinya, seseorang itu tidak akan terbuka hatinya untuk menerima agama dan akidah Islam sebagai pegangan hidup

mereka. Golongan ini biasanya akan menerima Islam dengan penuh kerelaan hati mereka tanpa dipengaruhi oleh pelbagai pengaruh dan kepentingan.

Hidayah Allah SWT sangat penting dalam membentuk jati diri seseorang yang inginkan pada Islam. Atas hidayah inilah seseorang muallaf mampu membentuk dirinya menjadi Muslim sejati dan menjadi lebih baik berbanding zaman jahiliah. Biasanya, keimanan dan kefahaman seseorang yang diberikan hidayah oleh Allah SWT lebih baik berbanding seseorang yang memeluk Islam atas dasar kepentingan tertentu Marlon (2014).

#### 4.2 Faktor Ikut-Ikutan

Faktor ikut-ikutan juga antara faktor utama yang menyebabkan mereka memilih untuk memeluk Islam Roslieza (2017). Salah satu faktor mengapa golongan muallaf memeluk Islam adalah kerana terikut-ikut dengan orang-orang lain seperti ahli keluarga, kawan-kawan dan sebagainya. Sebahagian mereka mempunyai latar belakang yang sama (komuniti yang sama) seperti dari suku kaum, pekerjaan, status diri dan lain-lain. Selain itu, orang yang berpengaruh dan disegani memeluk Islam, ia akan dituruti oleh orang sekeliling Nur Najwa Hanani (2017). Fenomena ini dapat dibuktikan dengan adanya di kalangan muallaf tersebut yang langsung tidak menunjukkan ciri-ciri keislaman. Mereka masih lagi mengamalkan secara total ajaran-ajaran asal seperti menyembah dewa-dewa dan roh-roh serta melakukan perbuatan-perbuatan yang bertentangan dengan ajaran Islam seperti berjudi, minum arak dan sebagainya. Di samping itu, mereka tidak menunjukkan sebarang minat untuk belajar dan mendalami agama Islam. Ini membuktikan bahawa mereka memeluk Islam hanyalah sekadar mengikut orang lain dan bukannya atas kesedaran sendiri Marlon (2014).

#### 4.3 Faktor Perkahwinan

Manakala, faktor perkahwinan juga menyumbang kepada proses pemeluk Islam walaupun ia bukan dalam kategori yang utama. Melalui perkahwinan ia membolehkan mereka mengahwinkan pasangan mereka yang beragama Islam Roslieza (2017). Faktor perkahwinan dengan Muslim khususnya orang Melayu juga merupakan antara faktor yang membuatkan seseorang itu memeluk Islam. Namun begitu, faktor ini bukanlah faktor penyebab utama mereka memeluk Islam. Sebagai contoh, ramai di kalangan mereka yang berkahwin sebelum memeluk Islam ataupun sudah lama memeluk Islam dan bertemu jodoh dengan seseorang yang asal Islam Nur Najwa Hanani (2017).

#### 4.4 Kepentingan Tertentu

Terdapat juga yang memeluk Islam disebabkan beberapa kepentingan tertentu seperti beranggapan segala hak keistimewaan orang Melayu/ Bumiputera mengikut perlembagaan adalah layak mereka nikmati Roslieza (2017). Kedua, untuk memudahkan urusan perniagaan dan sebagainya dengan orang Melayu. Ketiga, untuk kepentingan masa depan anak cucu yang lebih terjamin apabila menjadi orang Islam. Keempat, terdapat juga sebahagian muallaf yang mengambil kesempatan untuk melepaskan diri dari tindakan undang-undang kerana melakukan sesuatu kesalahan dan jenayah. Apabila mereka memeluk Islam, berlaku proses pertukaran nama dan maklumat pengenalan diri. Secara tidak langsung identity asal mereka telah hilang dan menyukarkan pihak berkuasa seperti polis dan sebagainya mengesan dan menjejaki mereka. Inilah antara faktor penting yang menjadi perangsang golongan muallaf memilih Islam sebagai agama baru mereka. Faktor-faktor ini memainkan peranan yang penting kerana ia mampu untuk mencorakkan seseorang muallaf itu menjadi Muslim sejati atau Islam atas nama sahaja. Apa yang penting ialah setelah golongan muallaf memeluk Islam masyarakat Muslim di Malaysia khususnya mengambil inisiatif untuk membimbing dan mendidik mereka bagi mengukuhkan keyakinan dan menambah pengetahuan mereka mengenai ajaran Islam.

## V. Cabaran Dakwah Kepada Saudara Baru

Namun yang demikian, saudara baru ini juga tidak terlepas daripada menghadapi cabaran-cabaran hidup yang perlu diharungi. Cabaran-cabaran yang dihadapi oleh saudara baru dapat dibahagikan kepada dua iaitu cabaran dalaman dan cabaran luaran. Cabaran dalaman yang dihadapi oleh saudara baru ialah permasalahan yang ada dalam diri mereka, kesan dan tekanan psikologi sebelum memeluk Islam dan setelah memeluk Islam. Manakala, cabaran luaran bermaksud menjurus kepada perkara-perkara yang timbul daripada luar diri saudara baru itu sendiri dan sekaligus memberi kesan yang mendalam jika dibandingkan dengan kesan cabaran dalaman Nur Najwa Hanani (2017). Antara cabaran luaran yang dihadapi oleh golongan saudara baru adalah seperti berikut:

#### 5.1 Cabaran Ahli Keluarga

Seseorang yang memeluk Islam juga akan berhadapan dengan pelbagai tekanan termasuklah tekanan daripada kaum keluarga kandung sendiri dan komuniti asal agamanya. Masalah seumpama ini merupakan masalah umum yang biasa dihadapi saudara baru tanpa mengira latar belakang etnik seperti Cina, India dan Orang Asli. Di samping itu, ugutan dan ancaman masyarakat sekeliling juga telah mencetuskan dilemma kepada saudara baru untuk mempertahankan pegangan agama baru mereka Abd Ghafar et al. (2009). Selain itu, ada di kalangan mereka yang diancam dan diusir keluarga menyebabkan timbul pelbagai masalah seperti tempat

tinggal, malah ada yang terpaksa tinggal dengan orang yang bersimpati atau terpaksa menyewa sendiri Mohd Azmi & Maimunah (200).

### 5.2 Cabaran Sikap Prejudis dan Negatif Masyarakat Sekeliling

Prasangka adalah satu sikap atau beremosi dan rigid terhadap sesuatu kelompok masyarakat atau manusia berdasarkan kepada ciri-ciri tertentu seperti etnik, agama, kelas atau jantina. Prasangka juga melibatkan unsur pertimbangan (prejudgement), iaitu satu penilaian yang dibuat tanpa atau sebelum memeriksa dan meninjau fakta-fakta yang berkenaan Nur Najwa Hanani (2017). Pandangan prejudis dan negatif dari masyarakat Melayu merupakan salah satu daripada cabaran saudara baru menerima Islam. Hasil kajian, terdapat sebahagian masyarakat Melayu menganggap kemasukan Islam golongan mualaf adalah kerana mempunyai motif dan kepentingan tertentu. Selain dari itu, ekspektasi masyarakat Muslim agar saudara baru menghayati ajaran Islam seperti mereka merupakan satu lagi masalah atau cabaran yang terpaksa dihadapi oleh saudara baru Abd Ghafar et al. (2009).

### 5.3 Faktor Bahasa yang Berbeza

Faktor bahasa juga antara salah satu cabaran yang dihadapi oleh sebahagian saudara baru apabila adanya yang tidak fasih bertutur dalam bahasa Melayu. Hal ini menyebabkan boleh menjejaskan proses kelangsungan komunikasi dalam urusan seharian contohnya ketika proses pembelajaran agama. Inisiatif yang telah diambil oleh pelbagai agensi dengan mengajarkan agama dalam pelbagai bahasa seperti Mandarin, bahasa Inggeris dan bahasa tamil agar lebih memudahkan untuk memahaminya. Kesan daripada inisiatif ini telah merangsang mereka untuk turut serta mempelajari bahasa etnik lain atas kesedaran untuk menyenangkan proses komunikasi sesama mereka Roslieza (2017)

### 5.4 Prosedur Pendaftaran

Proses yang rumit dan menyukarkan inilah yang menjadi cabaran kuat buat mualaf apabila bertukar kepada agama Islam kerana terdapat banyak prosedur yang perlu dibuat dan diikuti bagi tujuan pendaftaran agama sahaja Roslieza (2017). Menurut Sidi & Zainab (1993) terdapat pejabat agama negeri yang mengenakan syarat-syarat yang ketat bagi mendaftarkan seseorang yang hendak memeluk agama Islam seperti mereka terpaksa menterhakan sepuluh keeping gambar untuk pendaftaran.

## VI. Kesimpulan

Secara keseluruhannya, boleh disimpulkan bahawa Saudara baru adalah insan pilihan Allah s.w.t yang dijinakkan hati menerima Islam. Maka jelaslah bahawa kerja-kerja dakwah bukan hanya ditekankan kepada golongan yang sudah memahami ajaran Islam, malah kerja-kerja dakwah ini juga perlu diberi perhatian kepada golongan yang baru berjinak-jinak dengan Islam iaitu golongan mualaf atau saudara baru.

## Rujukan

1. Al-Quran
2. Abd Ghafar Don, Ahmad Redzuwan Mohd Yunus, Anuar Puteh. & Badlihisam Mohd Nasir. 2009. *Dakwah kepada non-muslim di Malaysia: Konsep, Metode dan Pengalaman*. Bangi: Penerbit Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan.
3. Amran Kasimin. 1985. *Saudara Baru Cina di Wilayah Persekutuan dan Selangor*. Bangi: Penerbit Universiti Kebangsaan Malaysia.
4. Aminuddin Sanwar. 1992. *Pengantar Studi Ilmu Dakwah*. Semarang: Penerbit Fakulti Dakwah IAIN Walisongo.
5. Anuar Puteh. 1999. *Program Kefahaman Islam Saudara Baru Cina di Kuala Lumpur*. Tesis Sarjana, Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
6. Anuar Puteh. 2005. *Keperluan Bimbingan Kepada Saudara Baru Dlm. Razaleigh Muhamat @ Kawangit, Faudzinaim Badaruddin & Khairil Khuzairi Omar. Masa Depan Saudara Baru*, hlm 29-45. Bangi: Pusat Islam UKM.
7. Dusuki Ahmad. 1980. *Kamus Pengetahuan Islam*. Kuala Lumpur: Penerbit Yayasan Dakwah Islamiah Malaysia.
8. Jabatan Perangkaan Malaysia. 2010. *Laporan Kiraan Permulaan*. [www.statistics.gov.my](http://www.statistics.gov.my) [14.07.2017].
9. Nur Najwa Hanani Abd Rahman. 2017. *Transformasi Hubungan Kekeluargaan Dan Kepuasan Kerja Saudara Kita Selepas Memeluk Islam*. Tesis Phd, Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
10. Nur Kareelawati Abd Karim. 2002. *Metodologi dakwah kepada saudara baru: Kajian khusus di Darul Arqam Singapura*. Tesis Sarjana, Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
11. Marlon Pontino Guleng. 2014. *Penyesuaian Diri Muallaf Terhadap Masyarakat Dalam Kalangan Pelajar Institut Dakwah Islamiah PERKIM (IDIP)*. Disertasi Sarjana, Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
12. Moh. Ali Aziz. 2015. *Ilmu Dakwah*. Jakarta: Penerbit Prenadamedia Group.
13. Muhammad Abd al-Mujib, Mabruri Tolhah & Shafiah Am. 1997. *Kamus Istilah Fiqh*. Batu Caves Selangor: Advance Publication
14. Razaleigh Muhamat @ Kawangit. & Norazwani Ibrahim. 2013. *Proses Pemeluk Islam di Malaysia: Langkah Awal Menjadi Mualaf*. Dlm. Razaleigh Muhamat @ Kawangit. *Dakwah Kepada Mualaf*, hlm 5-8. Bangi: Penerbit Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
15. Razaleigh Muhamat @ Kawangit. & Nurulhanna Ahmad. 2013. *Latar belakang mualaf Cina di Malaysia*. Dlm. Razaleigh Muhamat @ Kawangit. *Dakwah Kepada Mualaf*, hlm 32-58. Bangi: Penerbit Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia.
16. Roslieza Rosli. 2017. *Metodologi Dakwah Malaysian Chinese Muslim Association (MACMA) Kelantan Kepada Mualaf*. Tesis Sarjana, Jabatan Pengajian Dakwah dan Kepimpinan, Universiti Kebangsaan Malaysia..